

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN:

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan konsep Keluarga Malaysia beliau adalah meniru konsep Impian Malaysia yang sedang dibangunkan oleh DAP selama ini dan apakah jaminannya bahawa konsep Keluarga Malaysia beliau boleh berjaya dan diterima rakyat.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep dan falsafah Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Ke-9 dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021. Konsep Keluarga Malaysia diambil kerana ia lebih bersifat inklusif di mana ia merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum dan merangkumi semua lapisan usia, anak muda sehinggalah ke warga emas.
2. Konsep Keluarga Malaysia ini adalah aspirasi negara yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri untuk mencapai status negara

maju dan berpendapatan tinggi seperti apa yang dimahukan oleh setiap masyarakat. Konsep Keluarga Malaysia inilah yang akan merealisasikan apa yang saya mahukan, apa yang YB inginkan dan apa yang seluruh rakyat Malaysia mahu dan hasratkan selama ini.

3. Pelbagai program dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan di bawah payung Keluarga Malaysia. Ini termasuklah Rumah Ikram Keluarga Malaysia, Skwad Keluarga Malaysia, Pakej Peranti Keluarga Malaysia, Pakej Penjagaan COVID-19 Keluarga Malaysia, Keluarga Malaysia Siaga Bencana, Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia dan Residensi Rumah Keluarga Malaysia. Inilah program dan inisiatif Keluarga Malaysia, di mana setiap kementerian akan memperkenalkan sekurang-kurangnya 1 program dan inisiatif yang bermatlamat membantu mengurangkan kesan ekonomi yang ditanggung rakyat.

4. Pelaksanaan produk-produk Keluarga Malaysia ini akan diukur prestasinya melalui Petunjuk Prestasi Utama dan juga Keberhasilan Kebahagiaan oleh pihak-pihak berkepentingan terutamanya rakyat yang merupakan penerima perkhidmatan produk-produk tersebut.

5. Sehubungan itu, Keluarga Malaysia mempunyai keunikannya yang tersendiri dan tidak meniru mana-mana konsep Impian Malaysia yang sedang dibangunkan oleh DAP.

Sekian, terima kasih.